

Sektor pembinaan negara berkembang 17.3 peratus

Pencapaian sehingga bulan lalu catatkan pertumbuhan dua angka pertama sejak 2014

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sektor pembinaan Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 17.3 peratus sehingga September lalu.

Perdana Menteri berkata, pencapaian berkenaan menandakan pertumbuhan dua angka pertama sejak 2014 dan membuktikan ketahanan serta kekuatan industri terbabit.

"Pertumbuhan berkenaan bukan saja mencerminkan kepercayaan industri untuk mengatasi cabaran, tetapi juga menandakan kesediaannya untuk terus memacu pembangunan Malaysia ke hadapan.

"Peningkatan aktiviti pem-



Alexander berucap melancarkan Minggu Pembinaan Antarabangsa dan BuildXpo 2024, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

binaan akan membawa kepada penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan, pelaburan yang lebih besar dan pembangunan infrastruktur yang dipertingkatkan, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam bidang pembinaan," katanya dalam ucapan pelancaran Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) dan BuildXpo 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Kurang tenaga kerja mahir

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, terdapat kekurangan tenaga kerja mahir dalam sektor pembinaan dan kerajaan komited untuk menangani perkara itu melalui program latihan yang mantap dan inisiatif peningkatan kemahiran.

"Setakat September 2024, lebih 1.12 juta kakitangan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

"Pada masa yang sama sektor

pembinaan juga sedang mengembangkan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) untuk memastikan tenaga kerja dilengkapi kemahiran dalam mengendalikan teknologi canggih, seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik," katanya.

Tambahnya, dengan cara itu, Malaysia akan terus memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk pekerja mahir.

"Dengan harga tender yang dijangka meningkat, kerajaan mengambil langkah proaktif untuk memastikan industri pembinaan kekal berdaya saing dan mampan.

"Dengan mempertingkatkan perkongsian awam-swasta (PPP), ia akan memacu projek infrastruktur utama, seperti projek Link Road Sarawak-Sabah (SSLR) Fasa 2, penambahbaikan Lebuhraya Pan-Borneo dan pembangunan pusat data di Johor.

"Inisiatif berkenaan bagi memastikan sektor pembinaan kekal berdaya tahan di tengah-tengah peningkatan kos," katanya.

Anwar menegaskan kerajaan komited untuk terus melabur lebih banyak dalam sektor amalan pembangunan hijau dan infrastruktur rendah karbon sejajar dengan komitmen negara terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).